



The Observer

Deloitte sedang menjalankan Tinjauan Pengawasan Tingkah Laku 2024 bagi mendapatkan gambaran tentang sikap dan keupayaan organisasi terhadap tukang adu (whistleblowing). Peserta, terutamanya pengurusan kanan, ketua-ketua pegawai (c-suite) atau eksekutif peringkat lembaga yang menyelia hal-hal berkaitan tukang adu daripada pelbagai latar belakang seperti undang-undang, audit dalam, risiko, pematuhan dan integriti, digalakkan untuk mengambil bahagian.



Sila klik [pautan](#) atau imbas kod QR di sebelah kanan untuk mengakses tinjauan ini.

26.04.2024

❖ Meneroka Pegangan Saham Bersilang: Meneliti dari Perspektif Landskap Korporat Malaysia

Dalam jalinan landskap struktur korporat, telah muncul trend pelik dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Trend ini melibatkan syarikat awam tersenarai (*public listed companies*, PLC) yang membuat pelaburan yang besar dalam PLC lain, yang mana kadangkala mereka ini tidak memiliki aktiviti teras yang bermakna. Walaupun pegangan saham bersilang bukan perkara luar biasa dalam dunia perniagaan, namun skala dan kekerapan pelaburan sedemikian di Malaysia telah menimbulkan kerisauan dan mencetuskan perbincangan tentang implikasinya terhadap ekonomi dan dari sudut tadbir urus korporat.

Pegangan saham bersilang telah lama berakar umbi dalam sejarah, sejak awal zaman perindustrian. Konglomerat milik keluarga, yang dikenali sebagai “keiretsu” dalam bahasa Jepun, mendominasi landskap korporat. Konglomerat ini atau “gergasi korporat”, biasanya mempunyai kepentingan yang merangkumi pelbagai sektor, termasuk kewangan, pengilangan dan hartanah. Pegangan saham bersilang dalam kalangan konglomerat ini tersebar luas, membentuk jaringan hubungan korporat yang rumit.

SOROTAN UTAMA

- Pegangan saham bersilang dalam kalangan PLC Malaysia kini semakin ketara, mencetuskan perbincangan mengenai implikasi ekonomi dan tadbir urus korporat syarikat yang terlibat.
- Walaupun pegangan saham bersilang boleh menawarkan kelebihan strategik seperti mengurangkan risiko dan akses kepada pasaran baharu, kepelbagaian yang berlebihan atau tersasar daripada kecekapan teras boleh menimbulkan risiko seperti konflik kepentingan dan pencairan terhadap fokus pengurusan.

Pelaburan ini selalunya berbentuk pegangan ekuiti, perkongsian strategik atau pengambilalihan secara langsung. Walaupun transaksi seumpama ini boleh membawa sinergi dan kelebihan strategik, ia juga menimbulkan persoalan apabila ada syarikat yang menyimpang daripada aktiviti teras mereka.

Syarikat induk sering menggunakan pengaruh dan kawalan yang ketara ke atas syarikat penerima pelaburan mereka, dengan memanfaatkan kepentingan mereka untuk membentuk strategi korporat dan proses membuat keputusan. Motivasi di sebalik pegangan saham bersilang ini berbeza-beza dan boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Salah satu pemacu utama ialah mengejar kepelbagaian dan pengurusan risiko. Dengan menyebarkan pelaburan mereka ke dalam pelbagai syarikat dan industri, firma itu mensasarkan untuk mengekang risiko yang berkaitan dengan kemelesetan ekonomi atau cabaran khusus sektor. Selain itu, pegangan saham bersilang juga boleh menawarkan akses kepada pasaran, teknologi atau kumpulan bakat baharu, mengukuhkan daya saing dan prospek pertumbuhan berjangka panjang.

Walaupun pegangan saham bersilang mungkin menawarkan kelebihan strategik, ia tetap datang bersama-sama risiko dan cabaran, terutamanya apabila syarikat tersasar terlalu jauh daripada kecekapan teras mereka. Satu kebimbangan ialah potensi berlakunya konflik kepentingan, terutama dalam kes yang mana pengurusan syarikat terlibat secara serentak dalam berbilang entiti dalam industri atau rangkaian nilai yang sama. Keadaan ini boleh mengaburkan garis akauntabiliti serta menimbulkan persoalan tentang ketelusan pasaran.

Tambahan pula, kepelbagaian atau pelaburan yang berlebihan dalam perniagaan yang tidak berkaitan boleh mencairkan fokus pengurusan serta membebankan sumber, yang boleh menjadi punca prestasi yang tidak optimum dan kemusnahan nilai. Pelabur juga mungkin berhati-hati terhadap syarikat yang tidak mempunyai hala tuju strategik yang jelas atau model perniagaan yang koheren, sebaliknya memilih untuk memperuntukkan modal kepada syarikat yang mempunyai pendekatan yang fokus dan berdisiplin terhadap penciptaan nilai.

Pegangan bersilang dan selok-belok kerumitannya

Penggunaan ilustrasi akan menjelaskan perkara yang tidak kena berkaitan pegangan bersilang yang diperhatikan dalam kalangan PLC. PLC A mencatatkan pendapatan kira-kira RM10.00 juta pada tahun kewangan terakhirnya. Pelaburannya dalam sekuriti disebut harga berjumlah RM50.00 juta dengan pendedahan minimum dibuat dalam laporan tahunan.

Menjawab persoalan daripada seorang pemegang saham, didapati bahawa PLC A telah melabur dalam sekuriti disebut harga dalam pelbagai industri yang tidak berkaitan, tetapi tiada nama khusus diberikan. Dalam tahun kewangan tersebut, PLC A mengalami kerugian rosot nilai ke atas sekuriti disebut harga sebanyak RM10.00 juta, bersama-sama kerugian daripada perubahan nilai saksama berjumlah kira-kira RM8.00 juta. Memburukkan lagi keadaan, PLC A membuat pelaburan tambahan dalam sekuriti disebut harga kira-kira RM60.00 juta pada tahun kewangan yang sama.

Salah satu kriteria penyenaian utama untuk kemasukan ke Pasaran Utama atau Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad ialah perniagaan teras entiti yang

mahu disenaraikan itu mestilah bukan pemegangan pelaburan dalam syarikat tersenarai lain. Walau bagaimanapun, telah diperhatikan bahawa perniagaan teras PLC A kini sebahagian besarnya adalah sebagai syarikat induk untuk entiti tersenarai lain, memandangkan pendapatannya tidak dicatatkan.

PLC A bukanlah satu-satunya syarikat yang mengemudi dalam medan pegangan saham bersilang. PLC B terlibat dalam industri automasi dan walaupun berada dalam kedudukan yang merugikan sejak lima tahun kewangan yang lalu, syarikat itu telah melaburkan RM140.00 juta dalam saham disebut harga merentasi pelbagai industri yang tidak berkaitan. Pelaburan ini termasuk 26% pegangan ekuiti dalam penyedia penyelesaian pembungkusan, 26% pegangan ekuiti dalam pembekal penyelesaian tenaga lestari dan 31% pegangan dalam pengeluaran papan litar bercetak. Nilai pasaran saham disebut harga ini hanya RM50.00 juta.

PLC A dan B telah melabur dalam saham disebut harga menggunakan dana pemegang saham. Kemuncak pegangan saham bersilang berlaku apabila PLC C, yang terlibat dalam perniagaan telekomunikasi, mengeluarkan kemudahan pendahuluan yang disokong jaminan berjumlah RM92.00 juta untuk membiayai pelaburannya dalam sekuriti disebut harga. PLC C mencatatkan pendapatan berjumlah RM270 juta pada tahun kewangan lalu dan berada dalam kedudukan rugi sejak lima tahun kewangan lalu. PLC C juga telah melaburkan RM270 juta dalam sekuriti disebut harga dalam pelbagai industri yang tidak berkaitan setakat akhir tahun kewangan yang lalu. Nilai pasaran sekuriti disebut harga ini hanyalah RM94.00 juta.

Pegangan bersilang dari perspektif penilaian dan tadbir urus korporat

Melihat dari perspektif tadbir urus korporat, pegangan saham bersilang menimbulkan isu berkaitan ketelusan, pendedahan dan hak pemegang saham. Pelabur bergantung pada maklumat yang tepat, yang dikeluarkan tepat pada masanya untuk menilai kesihatan dan prestasi kewangan syarikat. Namun struktur pemilikan yang kompleks dan direktori yang saling berkait boleh mengaburkan penglihatan dan menghindari pengawasan yang berkesan.

Oleh itu, pengawal selia dan penggubal dasar memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan korporat dijalankan demi kepentingan terbaik semua pihak berkepentingan dan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Melihat dari perspektif penilaian, pegangan saham bersilang boleh memberi kesan terhadap penilaian firma secara individu dan pasaran secara keseluruhan. Apabila konglomerat memegang kepentingan yang besar dalam syarikat masing-masing, turun naik dalam harga saham sesebuah firma boleh menyebabkan kesan yang berjujukan ke atas syarikat lain, merancakkan lagi turun naik pasaran.

Selain itu, pegangan saham bersilang memperkenalkan kerumitan dan ketidakpastian, kerana pelabur perlu mentaksir implikasi struktur pemilikan yang saling bersilang ke atas aliran tunai dan risiko. Tambahan pula, kehadiran pegangan saham bersilang boleh mengaburkan kesihatan kewangan sebenar syarikat, menyukarkan pelabur untuk membuat keputusan termaklum.

Memandangkan landskap korporat Malaysia terus berkembang, pihak berkepentingan dan bakal pelabur perlu mengharungi kerumitan pegangan silang dengan berhati-hati dan berpandangan jauh. Syarikat pula perlu menyatakan strategi dengan jelas dan koheren yang sejajar dengan kecekapan teras dan objektif jangka panjang mereka, demi mengelakkan kepelbagaian sembarangan atau pelaburan spekulatif.

Ketelusan komunikasi dan amalan tadbir urus korporat yang teguh adalah penting bagi memupuk kepercayaan dan akauntabiliti dalam kalangan pelabur, pengawal selia dan pihak berkepentingan lain. Syarikat perlu mendedahkan maklumat yang berkaitan aktiviti pelaburan mereka, struktur pemilikan dan amalan pengurusan risiko, bagi membolehkan pihak berkepentingan membuat keputusan termaklum dan memastikan pengurusan bertanggungjawab terhadap tindak-tanduk mereka.

Oleh Pasukan Pemantauan MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 29 April hingga 3 Mei 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
29.04.24 (Isnin) 10.00 pagi	Netx Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat daripada RM13.65 juta kepada RM16.83 juta, disumbangkan oleh peningkatan jualan dalam perkhidmatan pembayaran bukan elektronik dan pinjaman wang. Ini diimbangi oleh penurunan pendapatan daripada segmen <i>Great Experiences Matters (GEM)</i> berikutan pesanan dalam talian yang berkurangan selepas COVID. Margin untung kasar meningkat daripada 32% kepada 50%, didorong oleh projek bermargin tinggi dalam perkhidmatan pembayaran bukan elektronik. Bagaimanapun, perbelanjaan pentadbiran melonjak kepada RM26.94 juta, menyebabkan kerugian sebelum cukai menyusut kepada RM14.28 juta.</p> <p>Selain itu, kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (<i>sales and service tax, SST</i>) dijangka memacu</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>peningkatan dalam permohonan pinjaman dengan memanfaatkan eMicro, penyumbang kedua tertinggi kepada pendapatan Kumpulan.</p>
<p>29.04.24 (Isnin) 10.00 pagi</p>	<p>Petronas Dagangan Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan mencatatkan pendapatan tertinggi dalam tempoh lima tahun kewangan yang lalu, berjumlah RM37.5 bilion dan untung bersih sebanyak RM966.8 juta.</p> <p>Perniagaan bahan api runcit mencatatkan keuntungan yang kukuh, dengan prestasi volum yang memecahkan rekod. Kumpulan terus berusaha untuk mempelbagaikan portfolionya, dengan penekanan diberikan terhadap perkembangan ke dalam sektor kemudahan serta menyediakan penyelesaian mobiliti rendah karbon untuk pelanggannya.</p>
<p>29.04.24 (Isnin) 10.00 pagi</p>	<p>CIMB Group Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Keuntungan sebelum cukai dan keuntungan bersih CIMB masing-masing meningkat sebanyak 14.0% dan 28.3% tahun ke tahun, mencecah RM9.54 bilion dan RM6.98 bilion.</p> <p>Peningkatan ini diterjemahkan kepada pulangan atas ekuiti (<i>return on equity, ROE</i>) sebanyak 10.7%, berbanding ROE yang dilaporkan pada tahun kewangan 2022 iaitu 9.0%.</p> <p>Pendapatan operasi CIMB meningkat 5.9% tahun ke tahun kepada RM21.01 bilion, didorong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam pendapatan bukan faedah (<i>non-interest income, NOI</i>) sebanyak 36.5% tahun ke tahun, daripada pelaburan dan pendapatan berkaitan pasaran. Pertumbuhan ini mengimbangi persekitaran margin pendapatan bersih (<i>net income margin, NIM</i>) yang mencabar disebabkan oleh peningkatan kos deposit yang berterusan, dengan pendapatan faedah bersih (<i>net interest income, NII</i>) merosot 3.5% kepada RM14.63 bilion. Jumlah</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		pinjaman kasar, deposit serta akaun semasa dan simpanannya (<i>current account savings accounts, CASA</i>) meningkat dengan kukuh, masing-masing sebanyak 8.3%, 8.1% dan 11.5% tahun ke tahun, disokong oleh pertumbuhan merentas semua negara dan segmen perniagaan.
29.04.24 (Isnin) 11.00 pagi	Netx Holdings Berhad (EGM)	Netx Holdings Berhad mencadangkan penerbitan waran bonus untuk memberikan pemegang saham yang berhak satu waran percuma bagi setiap dua saham biasa sedia ada yang dipegang. Tarikh kelayakan sebenar akan diumumkan kemudian.
29.04.24 (Isnin) 11.30 pagi	Ajiya Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Ajiya mencatatkan peningkatan 3.7% tahun ke tahun kepada RM304.8 juta pada tahun kewangan 2023 daripada RM294 juta pada tahun kewangan 2022, menunjukkan permodalannya yang berkesan dalam sektor pembinaan yang bangkit semula. Keuntungan sebelum cukainya bagi tahun kewangan 2023 meningkat 60.8% kepada RM58.9 juta, berbanding RM36.6 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Peningkatan yang ketara dalam keuntungan syarikat boleh dikaitkan dengan inisiatif strategiknya, pengurusan kos yang cekap serta kesan positif ekonomi yang semakin pulih ke atas sektor bahan binaan. Di samping itu, pendapatan lain, terutamanya daripada pelaburan saham, menyumbang RM48.3 juta kepada keuntungan.</p>
30.04.24 (Selasa) 10.00 pagi	Nestle (Malaysia) Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM7.1 bilion, mencerminkan peningkatan 5.8% tahun ke tahun. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh jualan domestik, dengan jenama terasnya sebagai pemacu pertumbuhan utama serta tawaran inovatif baharu yang

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>memanfaatkan trend pengguna yang baru muncul.</p> <p>Kumpulan telah memperuntukkan RM1 bilion untuk kitaran pelaburan bagi tempoh 2023 hingga 2025. Ia memberikan tumpuan kepada mengukuhkan daya saing Kumpulan serta memacu pengembangan yang mampan merentas portfolio operasi dan produknya.</p>
30.04.24 (Selasa) 10.00 pagi	Lotte Chemical Titan Holdings Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, pendapatan Kumpulan menyusut 23.7% tahun ke tahun daripada RM10 bilion pada tahun kewangan 2022, terutamanya disebabkan oleh purata harga jualan produk dan volum jualan yang lebih rendah, dalam keadaan permintaan yang lemah untuk barangan pengilangan.</p> <p>Kerugian sebelum cukai Kumpulan menurun sedikit sebanyak RM2 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh pembalikan ke atas penurunan nilai inventori.</p> <p>Bagaimanapun, ia diimbangi oleh bahagian kerugian daripada LOTTE Chemical USA Corporation, kos elektrik yang meningkat, perbelanjaan pentadbiran yang lebih tinggi daripada Projek Etilena Baharu LOTTE Chemical Indonesia (Projek LINE) serta pendapatan kewangan yang lebih rendah.</p>
30.04.24 (Selasa) 10.00 pagi	Bintulu Port Holdings Berhad (AGM)	<p>Keuntungan operasi BPORT pada tahun kewangan 2023 menyusut sebanyak RM31.10 juta daripada RM226.38 juta kepada RM195.28 juta, terutamanya disebabkan oleh pendapatan operasi yang lebih rendah serta perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi.</p> <p>Sementara itu, kos tenaga kerja dan perbelanjaan mengurus lain meningkat sebanyak 2.61% atau RM9.19 juta</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>kepada RM361.04 juta berbanding RM351.85 juta pada tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh kerja-kerja pengorekan dan penyelenggaraan ad-hoc di Pelabuhan Perindustrian Samalaju serta perbelanjaan kontrak perkhidmatan yang ditanggung.</p>
<p>30.04.24 (Selasa) 02.00 petang</p>	<p>Westports Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Westports merekodkan set keputusan kewangan yang berdaya tahan, sekaligus mengakhiri tahun 2023 dengan rekod volum pemprosesan kontena sebanyak 10.88 juta unit bersamaan dua puluh kaki (<i>twenty-foot equivalent unit</i>, TEU). Pertumbuhan volum keseluruhan sebanyak 8% ini disokong oleh volum pintu masuk yang lebih baik, berikutan pertambahan pelaburan langsung asing di Malaysia.</p> <p>Syarikat mengambil pendekatan berhati-hati dan menjangkakan pertumbuhan satu digit yang rendah bagi daya pemprosesan kontena untuk 2024. Syarikat berpendapat bahawa jika konflik berpanjangan di Timur Tengah, ia akan membebaskan perdagangan Eropah-Asia.</p> <p>Komitmen Syarikat terhadap usaha pelestarian dan penyahkarbonan wajar dipuji dan sudah pasti mampu memacu pertumbuhan yang mampan.</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
30.04.24 (Selasa) 02.30 petang	Boustead Heavy Industries Corporation Berhad (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan perkara berikut:</p> <p>(I) Cadangan pelupusan 27,000,001 saham biasa dalam Lumut Naval Shipyard Sdn. Bhd. (LUNAS) yang dipegang oleh Perstim Industries Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh tidak langsung BHIC kepada Ocean Sunshine Berhad dengan harga RM1.00 dan penepian penghutang perdagangan yang terhutang oleh LUNAS kepada BHIC serta anak-anak syarikatnya yang berkaitan, berjumlah kira-kira RM334.73 juta menurut ITRSA yang dicadangkan.</p> <p>(II) Cadangan Perjanjian Penyelesaian Penghutang Perdagangan Antara Syarikat (<i>Inter-company Trade Receivables Settlement Agreement, ITRSA</i>) (Cadangan ITRSA)</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Netx Holdings Berhad (AGM)	<p><u>Hal-hal Tadbir Urus Korporat</u></p> <p>1. Encik Tan Sik Eek, Pengarah Eksekutif (<i>Executive Director, ED</i>) NetX, juga menganggotai Ahli Lembaga Pengarah Mlabs Systems Berhad, XOX Bhd, Symphony Life Berhad sebagai Pengarah Eksekutif dan memegang jawatan sebagai pengarah urusan Fintec Global Berhad (Halaman 20, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Memandangkan Encik Tan Sik Eek sudah pun memegang jawatan sebagai pengarah, serta menyandang jawatan eksekutif sepenuh masa dalam Kumpulan, adakah beliau boleh memberikan komitmen masa untuk menjalankan tugas dengan berkesan sebagai kakitangan sepenuh masa, pada masa yang sama menjadi pengarah empat syarikat awam tersenarai?</p>

Perkara penting:**Syarikat****Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan**

2. Imbuan En. Tan Sik Eek, selaku Pengarah Eksekutif NetX, adalah seperti berikut:

ED Remuneration	2019	2020	2021	2022	2023
Fees	460,345	332,065	665,897	799,394	876,040
Salaries	110,500	78,000	289,500	372,000	378,000
Others	14,568	10,283	79,343	146,422	168,359
Total	585,413	420,348	1,034,740	1,317,816	1,422,399
Revenue	9,993,000	14,897,000	11,722,000	13,654,000	16,832,000
Loss attributable to ordinary equity holders of the company	- 30,644,000	- 15,871,000	- 20,792,000	- 15,632,000	- 13,525,000

Sumber: Laporan Tahunan NetX 2019 hingga 2023

Meskipun Kumpulan secara konsisten melaporkan kerugian, masih terdapat peningkatan yang ketara dalam yuran pengarah Encik Tan Sik Eek dari 2021. Sila berikan justifikasi untuk perkara ini.

Petronas Dagangan Berhad (AGM)

Hal-hal Operasi dan Kewangan

1. Impak ekonomi menyaksikan PDB secara berkesan memanfaatkan keperluan yang semakin meningkat untuk produk bahan api dan yang tidak berkaitan bahan api, dengan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan merentas pelbagai industri. Lonjakan dalam pelancongan dan pembinaan, peningkatan pemilikan kenderaan serta penambahbaikan akses jalan raya secara sinergistik meningkatkan jualan dan kehadiran PDB dalam pasaran, apabila mereka menempatkan lebih banyak stesen secara strategik untuk memenuhi permintaan yang meningkat (Halaman 48, Laporan Bersepadu 2023).

Adakah persekitaran yang positif ini dijangka bertambah baik pada 2024, membawa kepada prestasi kewangan yang lebih baik untuk Kumpulan? Berapakah jumlah stesen yang dirancang untuk dibangunkan oleh Kumpulan pada tahun kewangan 2024?

Hal-hal Kemampanan

2. PDB mengiktiraf potensi besar dalam Bahan Api Penerbangan Mampan (*Sustainable Aircraft Fuel, SAF*) dan sedang giat meneruskan perkongsian dengan syarikat penerbangan antarabangsa untuk membekalkan SAF. PDB memfokuskan pada daya saing dan bahan api berkualiti tinggi, sekaligus berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab penerbangan pilihan dan syarikat sebagai peneraju pembekal SAF di

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) (Halaman 29, Laporan Bersepadu 2023).</p> <p>a) Syarikat penerbangan antarabangsa manakah yang menunjukkan minat untuk mendapatkan SAF daripada operasi PDB di KLIA?</p> <p>b) Apakah kelebihan daya saing khusus yang dimanfaatkan oleh PDB di KLIA yang boleh menjadikannya pembekal SAF pilihan untuk syarikat penerbangan antarabangsa?</p>
CIMB Group Holdings Berhad (AGM)	<p><u>Hal-hal Tadbir Urus Korporat</u></p> <p>CIMB telah mengguna pakai Amalan 4.4 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, yang menyatakan bahawa penilaian prestasi lembaga pengarah dan pengurusan kanan termasuk semakan prestasi lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam menangani peluang dan risiko kemampuan syarikat yang ketara (Halaman 24 & 25, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023).</p> <p>a) Apakah wajaran bagi petunjuk prestasi utama (<i>Key Performance Indicator, KPI</i>) yang berkaitan kemampuan (mengikut peratusan) berbanding metrik operasi dan kewangan dalam penilaian keseluruhan untuk Lembaga dan pengurusan kanan?</p> <p>b) Bagaimanakah prestasi Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan menurut metrik ini?</p> <p>c) Bidang manakah yang memerlukan lebih tumpuan dan perhatian daripada Lembaga Pengarah dan pengurusan?</p>
Ajiya Berhad (AGM)	<p><u>Hal-hal Kelestarian</u></p> <p>Pada September 2022, Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) telah melancarkan rangka kerja pelaporan kelestarian yang dipertingkatkan bagi meningkatkan amalan kelestarian dan pendedahan oleh penerbit tersenarai. Penerbit tersenarai Pasaran Utama dan Pasaran ACE akan menerima pakai perubahan ini secara beransur-ansur, bermula dari tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 dan seterusnya.</p> <p>Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kelestarian (<i>Advisory Committee on Sustainability Reporting, ASCR</i>), yang</p>

Perkara penting:

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>dipengerusikan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, baru-baru ini mengeluarkan Kertas Perundingan Awam mengenai Cadangan Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian Nasional. Kertas kerja ini akan mendapatkan maklum balas tentang penerimaan dan penggunaan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (<i>International Financial Reporting Standards, IFRS</i>) S1 – Keperluan Am untuk Pendedahan Maklumat Kewangan Berkaitan Kelestarian (IFRS S1) dan IFRS S2 – Pendedahan Berkaitan Iklim (IFRS S2). Mengguna pakai piawaian ISSB memerlukan penerbit tersenarai di Pasaran Utama untuk mengguna pakai Piawaian ini secara mandatori dalam tempoh yang boleh dijangka pada masa hadapan.</p> <p>(a) Adakah Kumpulan mempunyai sumber yang relevan untuk mencapai matlamatnya yang berkaitan kelestarian? Jika tidak, bagaimanakah Kumpulan merancang untuk mendapatkannya serta memperuntukkan sumber yang diperlukan?</p> <p>(b) Pada tahun kewangan 2023, seorang daripada tujuh pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori Bahagian II: <i>Leading For Impact</i>. Bilakah pengarah lain akan menghadiri program mandatori baharu yang berkaitan kelestarian, seperti yang dikehendaki oleh Bursa Malaysia?</p>
Nestle (Malaysia) Berhad (AGM)	<p><u>Hal-hal Operasi dan Kewangan</u></p> <p>1. “2023 menyaksikan landskap ekonomi yang tidak menentu, ditandai dengan tekanan inflasi yang berterusan, harga komoditi yang melonjak dan kadar pertukaran yang tidak menggalakkan, serta ketegangan geopolitik, yang diburukkan lagi oleh konflik dan krisis kemanusiaan.” (Halaman 15, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Memandangkan landskap ekonomi yang tidak menentu pada tahun 2023, bagaimanakah Syarikat mengekang risiko yang berkaitan tekanan inflasi? Adakah Syarikat berjaya menyalurkan kos yang semakin meningkat ini kepada pengguna? Bagaimanakah Syarikat mengimbangi antara memindahkan kos yang lebih tinggi dan kekal berdaya saing dari segi harga?</p> <p><u>Hal-hal Kelestarian</u></p> <p>2. Sila utarakan pandangan tentang kesan dan hasil daripada inisiatif penglibatan komuniti oleh Syarikat,</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>seperti MILO Malaysia Breakfast Day (MBD) dan program bimbingan MAGGI, "Wanita Cukup Berani". Bagaimanakah Syarikat mengukur keberkesanan program ini dalam mewujudkan perubahan sosial yang positif?</p>
Lotte Chemical Titan Holdings Berhad (AGM)	<p><u>Hal-hal Kelestarian</u></p> <p>1. Apabila kerajaan di seluruh dunia melaksanakan mekanisme penetapan harga karbon dan peraturan yang ketat untuk menangani perubahan iklim, syarikat yang bergantung pada nafta (<i>naphtha</i>), yang diperoleh daripada minyak mentah serta mengeluarkan gas rumah hijau apabila diproses, mungkin menghadapi peningkatan kos atau dihadkan pelepasannya.</p> <p>Bagaimanakah pelaksanaan cukai karbon akan memberi kesan terhadap operasi LCT? Apakah langkah khusus yang perlu diambil oleh LCT untuk mengurangkan kesan tersebut?</p> <p>2. <i>"LCT mengiktiraf kepentingan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gas, GHG) bagi meningkatkan daya tahan dan memastikan kelestarian perniagaan. Oleh itu, kami menyukat dan melaporkan pelepasan Skop 2 kami, yang bertujuan membangunkan strategi iklim komprehensif yang melangkaui pengurangan. Usaha ini akan melibatkan aktiviti mewujudkan kesedaran dan berkongsi pengetahuan bagi memperkasakan komuniti untuk menyesuaikan diri dengan perubahan iklim."</i> (Halaman 75, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p> <p>Mengapakah pelepasan Skop 1 tidak dilaporkan dalam Laporan Tahunan Bersepadu 2023? Apakah cabaran yang dihadapi oleh Syarikat untuk mendedahkan maklumat ini?</p>
Bintulu Port Holdings Berhad (AGM)	<p><u>Hal-hal Kewangan dan Operasi</u></p> <p>1. Kumpulan berjaya menarik pemain utama RORO (<i>Roll-on/Roll-off</i>) untuk menjadikan Pelabuhan Bintulu sebagai pelabuhan singgahan, yang menyumbang kepada persinggahan kapal dan kargo tambahan kepada Kumpulan. Daripada sektor biojisim, Kumpulan telah menandatangani perjanjian jangka panjang dengan pengeluar dan pengeksport pelet rumput untuk</p>

Perkara penting:**Syarikat****Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan**

menggunakan Pelabuhan Bintulu sebagai pelabuhan asalnya (Halaman 29, Laporan Tahunan Bersepadu 2023).

Adakah kedua-dua perkembangan positif ini dijangka menyumbang dengan ketara kepada prestasi kewangan Kumpulan? Apakah tempoh perjanjian jangka panjang dengan pengeluar dan pengeksport pelet rumput itu?

Hal-hal Tadbir Urus Korporat

2. Bilangan dan kadar kecederaan berkaitan kerja yang direkodkan dalam tempoh tiga tahun yang lalu berada dalam trend yang meningkat. Ini tetap berlaku walaupun bilangan jam bekerja semakin berkurangan. Apakah pengajaran yang diperoleh daripada trend yang semakin merosot ini dan apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan atau mengekang kejadian seumpama ini daripada berlaku?

Kecederaan berkaitan kerja yang direkodkan	2021	2022	2023
Bilangan	3	6	7
Kadar	0.64	1.20	2.12
Bilangan jam bekerja	4,654,816.69	4,997,102	3,302,446.67

(Halaman 65, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)

Westports Holdings Berhad (AGM)

Hal-hal Kewangan dan Operasi

1. Westports telah mempraktikkan pembayaran dividen sebanyak 75% daripada keuntungan yang disatukan yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti. Nisbah pembayaran dividennya secara konsisten berada dalam julat 70% hingga 75% sepanjang lima tahun yang lalu kecuali pada tahun 2020 apabila ia dikurangkan buat sementara waktu kepada 60% disebabkan oleh permulaan pandemik dan ketidakpastian kewangan yang mungkin berpunca daripadanya (Halaman 28, Laporan Tahunan 2023).

Perbelanjaan modal yang besar sebanyak RM5.0 bilion diperlukan untuk pengembangan pelabuhan Westports 2.0, yang akan diperuntukkan untuk digunakan antara

Perkara penting:

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>2024 dan 2028 (halaman 2, laporan penarafan kredit Westports Malaysia Sdn Bhd oleh RAM, Disember 2023).</p> <p>(a) Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk membiayai komitmen perbelanjaan modalnya yang berjumlah RM5.0 bilion?</p> <p>(b) Memandangkan Syarikat berdepan perbelanjaan modal yang besar yang dinyatakan di atas, apakah prospek untuk pembayaran dividen pada masa hadapan? Bagaimanakah Syarikat merancang untuk mengimbangi pulangan kepada pemegang saham melalui dividen, pada masa yang sama turut menyokong inisiatif pengembangan Kumpulan?</p> <p><u>Hal-hal Tadbir Urus Korporat</u></p> <p>2. Syarikat telah menerima pakai Amalan 4.4 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), yang menggalakkan PLC menilai prestasi lembaga pengarah dan pengurusan kanan, termasuk semakan terhadap prestasi mereka dalam menangani peluang dan risiko kemampuan syarikat yang ketara. Walau bagaimanapun, penjelasan berhubung penggunapakaian amalan tersebut dibuat secara ringkas (halaman 23, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023).</p> <p>(a) Apakah peluang dan risiko kemampuan yang ketara yang diterapkan dalam penilaian prestasi Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan?</p> <p>(b) Apakah wajar bagi KPI yang berkaitan kelestarian (mengikut peratusan) berbanding metrik operasi dan kewangan dalam penilaian keseluruhan Lembaga dan pengurusan kanan? Bagaimanakah prestasi Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan jika dibandingkan dengan metrik ini?</p> <p>(c) Bidang manakah yang memerlukan lebih tumpuan dan perhatian daripada Lembaga Pengarah dan pengurusan?</p> <p>Sila ambil perhatian, Panduan 4.4 MCCG selanjutnya memperuntukkan bahawa pemegang saham syarikat juga perlu dimaklumkan tentang hasil penilaian dan langkah seterusnya.</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Dr Ismet Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif (ismet@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.